

21/06/1999

Tiada alasan tangguh pilihan raya

TIDAK ada sebarang alasan bagi kerajaan untuk mengelak daripada mengadakan pilihan raya umum sebelum tempoh Parlimen sekarang tamat pada Jun tahun depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kerajaan Barisan Nasional (BN) tetap akan mengadakan pilihan raya umum dalam tempoh lima tahun seperti ditetapkan Perlembagaan.

Malah, katanya, pilihan raya umum di negara ini tetap diadakan mengikut jadual walaupun selepas rusuhan kaum pada 1969.

"Kita tidak cuba lari daripada pilihan raya walaupun ada percubaan untuk menghalang kita daripada menyebut nama (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dalam kempen.

"Mereka juga cuba berlengah-lengah untuk memanjangkan perbicaraan, lepas itu akan ada rayuan demi rayuan, setiap satu mengambil masa yang lama. Kemudian peguam sakit atau defendan sakit," katanya di sidang akhbar selepas tamat Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Presiden Umno yang juga Pengerusi BN yakin gabungan itu akan mengulangi kejayaan dengan majoriti dua pertiga walaupun perbicaraan Anwar tidak tamat sehingga pilihan raya diadakan.

Bagaimanapun, katanya, usaha menjelaskan kepada rakyat berhubung isu pemecatan Anwar terganggu dengan adanya percubaan mengenakan tindakan menghina mahkamah terhadap sebarang kenyataan membabitkan nama bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Sebab itu kalau ada pilihan raya diadakan waktu ini, kita tidak dapat menjelaskan satu isu yang amat besar bagi kita. Sebaliknya parti lawan menggunakan isu ini untuk kepentingan mereka, mengeluarkan kenyataan demi kenyataan yang tidak ditandatangani," katanya.

Dr Mahathir menambah, BN tidak takut menghadapi pilihan raya umum sama ada berhadapan satu lawan satu atau satu lawan dua atau tiga calon pembangkang.

Ditanya sama ada pemecatan Anwar akan menghantui Umno dalam pilihan raya akan datang, beliau berkata: "Kita tidak sedar pun adanya "hantu Anwar". Kita tidak bimbang kerana kita tidak percayakan hantu".

Beliau berkata, Umno akan mencari jalan untuk memberi penjelasan kepada ahlinya bagi menghuraikan kekeliruan mengenai isu itu. Antaranya ialah menyebarkan pita video ucapan dasar Presiden dalam Perhimpunan Agung kali ini kepada ahli yang tidak hadir.

Mengenai pertemuannya dengan bekas Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Perdana Menteri mengesahkan, Zahid memberi pengakuannya dan menyatakan keinginan untuk kekal dalam Umno.

"Itu pengakuannya dan kita terima," katanya tanpa mengulas lanjut.

Berhubung kenyataan Presiden parti KeADILan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bahawa gerakan reformasi mampu menumbangkan BN dalam pilihan raya, Dr Mahathir berkata, nasib mereka akan menyamai pemimpin reformasi Indonesia yang diketuai Amien Rais.

Beliau berkata, parti pembangkang di negara ini mempunyai banyak peluang untuk meraih sokongan rakyat di peringkat negeri dan Persekutuan.

Malah, katanya, ada negeri yang diperintah oleh pembangkang dan calon parti pembangkang yang memenangi kerusi Parlimen.

"Jika mereka tidak menang di peringkat Persekutuan, itu bukan salah kita. Mereka mempunyai banyak peluang untuk menang, tetapi setakat ini rakyat tidak memilih mereka," katanya.

Ditanya oleh wartawan media asing mengenai kecenderungan menyaman yang

semakin ketara di negara ini, Dr Mahathir berkata:

"Ia memang dibenarkan oleh peraturan undang-undang. Tetapi jika mahkamah undang-undang digunakan untuk menyekat kita memperkatakan kebenaran, itu sudah tidak baik. Seperti yang anda ketahui, di Amerika Syarikat, orang ramai bebas memperkatakan mengenai sesuatu kes yang sedang dibicarakan, termasuk membincangkannya dalam program televisyen."

(END)